

05/07/2002

Perubahan politik beri harapan Umno rampas Kelantan

Ramli Ibrahim

GUA MUSANG, Khamis - Perubahan politik semasa sekarang memberi harapan kepada Umno Kelantan untuk merampas lebih banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Justeru, jentera Umno negeri disaran bekerja lebih kuat untuk menentukan kemenangan dengan majoriti lebih besar, sekali gus merampas semula pemerintahan kerajaan negeri daripada Pas.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata apabila keadaan berubah, sudah tentu ia memberi harapan kepada janji Umno Kelantan untuk memberi hadiah istimewa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Pas Kelantan pada asasnya tidak kuat tetapi disebabkan perpecahan orang Melayu berikutan krisis politik ia memberi peluang parti itu untuk menang dan memerintah negeri ini.

Oleh itu, katanya, peluang untuk Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan semula pada pilihan raya umum akan datang terletak kepada kekuatan jentera dan mengatur strategi lebih mantap.

"Janji hadiah kemenangan kepada Dr Mahathir menjadi harapan kita semua di Kelantan dan Alhamdulillah janji itu boleh kita tunaikan, tetapi perlu bagi kita semua bekerja kuat lebih daripada biasa," katanya di Bukit Chekati, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas janji Umno Kelantan untuk merampas kembali negeri ini daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang sebagai hadiah istimewa kepada Perdana Menteri.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, dipetik berkata, janji itu dibuat pada perjumpaan khas Umno negeri berikutan persetujuan Perdana Menteri untuk terus memimpin parti dan kerajaan BN hingga tahun depan.

Beliau berkata, ia juga tanda terima kasih atas persetujuan Dr Mahathir melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang, berkata rakyat Kelantan sudah sedar mengenai perjuangan Pas yang tidak membawa sebarang kemajuan kepada mereka.

Beliau berkata, banyak perkara yang dijanjikan pemimpin Pas sebelum pilihan raya umum lalu juga gagal dilaksanakan kerana kerajaan negeri tidak mempunyai wang mencukupi.

Katanya, sudah sampai masa bagi rakyat Kelantan membuat pendirian betul berhubung menentukan kerajaan yang memerintah negeri ini bagi mengelak kemunduran berterusan.